Berkampung di UUM.

UM 5/7/05 21:1

OTHMAN Aziz beramah mesra dengan peserta summer camp selepas merasmikan program tersebut di UUM, baru-baru ini.

berasa agak sedih kerana berjauhan daripada keluarga.

Nurul Nasirah Abu Bakar, 10, pelajar tahun empat Sekolah Kebangsaan Kuala Kepang, Baling memang pada mulanya agak gementar selepas terpilih untuk mengikuti program ini.

"Selain berasa asing kerana tidak mengenali ramai orang, saya juga takut kerana jarang berjauhan daripada keluarga, lebih-lebih lagi emak saya. Tetapi sekarang rasa takut saya berkurangan kerana dapat rakan sebilik dari satu sekolah dan memperoleh ramai rakan baru semasa mendaftarkan diri petang tadi," ujar anak ketujuh daripada lapan beradik yang sudah kehilangan ayah itu.

Walaupun begitu, Nurul Nasirah yang bercita-cita menjadi guru apabila dewasa kelak, berharap segala pengalaman yang diperoleh melalui program itu nanti dapat digunakan untuk menggalakkan rakan-rakannya yang lain supaya belajar dengan lebih bersungguh-sungguh untuk berjaya.

Lain pula halnya dengan Mohd. Noor Abdul Latif, 12, yang berasa seronok kerana dipilih oleh gurunya untuk menyertai program yang bertemakan Minda Cemerlang Insan Gemilang".

"Saya seronok ke sini walaupun kali pertama menjejakkan kaki ke UUM kerana dapat kenal ramai kawan baru, lagipun ada dua lagi rakan sekolah saya yang turut terpilih mengikuti program ini. Selepas tamat, saya akan beritahu pengalaman berharga ini kepada kawan-kawan saya yang lain kerana kenangan sebegini sukar dilupakan," kata pelajar tahun enam di Sekolah Kebangsaan Guar Chempedak, Yan.

Mohd. Noor memiliki cita-cita menjadi askar dan gemarkan mata pelajaran sains serta suka membaca novel pada masa lapang.

Bagi Nur Salmy Ahmad Shaperi, 12, pula program summer camp ini memang dinanti-nanti kerana boleh mengetahui teknik belajar yang betul, walaupun memiliki disiplin mengulangkaji pelajaran yang teratur.

"Setiap hari saya akan membuat ulang-kaji mengikut sistem yang telah ayah tetapkan, iaitu dari pukul 3 hingga 6 petang dan 8 hingga 9.30 malam," kata anak kepada pegawai polis di Yan yang meminati mata pelajaran Sains.

Baginya, disiplin yang diterapkan oleh ayahnya dan teknik belajar yang diperoleh melalui program tersebut, dapat membantu Penolong Pengawas ini, mencapai kejayaan cemerlang dalam UPSR. Kata pelajar tahun enam di Sekolah Kebangsaan Haji Nyak Gam, Yan itu lagi, "Dengan mengetahui teknik belajar yang betul, saya yakin akan mendapat kejayaan cemerlang dalam UPSR dan seterusnya memasuki sekolah berasrama penuh supaya menjadi teladan kepada adik-adik saya selepas ini."

Manakala Mohd. Nasrullah Mohd. Tahir, 12, pelajar tahun enam di Sekolah Kebangsaan Tembak, Baling pula tidak gusar untuk mengikuti program sebegini kerana pernah menyertai Kem Waja Diri di Pantai Merdeka tahun lalu.

"Melalui program ini, saya bukan sahaja memperoleh pengalaman dan pelajaran yang baru, malah dapat meningkatkan penguasaan ibadah dan bahasa Inggeris yang menjadi satu daripada aturcara yang telah diatur. Selain itu juga, saya dapat meningkatkan lagi daya kepemimpinan melalui disiplin yang banyak diterapkan dalam aktiviti ini," ujar Ketua Pengawas dan Ketua Platun Tunas Kadet Remaja di sekolahnya itu.

Program anjuran bersama Pejabat Pembangunan Negeri Kedah dan Pusat Islam UUM itu mempunyai matlamat untuk membentuk pelajar cemerlang, gemilang dan terbilang dalam pelajaran dan kehidupan.

Sepanjang tiga hari di Kolej Kediaman Bukit Kachi UUM, para peserta diberi pendedahan tentang panduan ibadah dan kemahiran belajar melalui ceramah, solat berjemaah, menjalankan kerja berkumpulan dan riadah bagi melahirkan rasa kasih dan tanggungjawab terhadap Allah dan keluarga dalam usaha menjadi insan berjaya.

UUM/AA 49/UM/05.07.2005/P: 21(1).

Pag 2 of 2